

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis **satu rumusan** yang panjangnya **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Dewasa ini, ramai murid sekolah mengambil peluang bekerja sambilan. Walaupun perkara ini belum meluas di Malaysia tetapi boleh direnungi faedahnya untuk kepentingan murid di sekolah.

Dengan bekerja sambilan, murid dapat belajar berdikari tanpa membebankan ibu bapa, terutamanya keluarga yang berpendapatan rendah. Dengan bekerja sambilan juga, murid dapat dididik untuk mencari wang sendiri di samping mengelola perbelanjaan dengan cekap. Pengalaman yang ditimba dalam bidang pekerjaan diakui menerusi bidang yang dianugerahkan kepada mereka. Pengalaman itu dapat membantu seseorang murid membuktikan pengalamannya ketika memohon pekerjaan nanti. Hal ini sangat penting kepada bakal pekerja sama ada sebagai arkitek, jurutera atau akauntan kerana peluang mereka untuk lulus dalam ujian temu duga adalah cerah.

Murid yang bekerja sambilan dapat membiayai pembelajaran tanpa bergantung pada pertolongan ibu bapa sepenuhnya. Apabila kebanyakan masa dihabiskan di tempat kerja sudah tentu mereka tidak ada kesempatan untuk merayau-rayau di pasar raya dengan melepak atau melakukan hal yang tidak berfaedah. Oleh sebab itu, budaya tersebut sepatutnya kita suburkan di Malaysia. Dalam bidang pendidikan pula, oleh sebab murid-murid mempunyai wang sendiri, maka mereka tidak perlu memohon pinjaman ketika menuntut di universiti. Perkara ini memudahkan pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus pinjaman pendidikan kepada pelajar yang memerlukannya sahaja. Oleh hal yang sedemikian, pihak penganjur tidak pening mengejar peminjam yang liat membayar hutang setelah tamat pengajian.

Kini, sudah tiba masanya perkara ini difikirkan secara serius supaya banyak perkara dapat kita atasi apabila murid mempunyai pengalaman bekerja sambil belajar. Lagipun, pengetahuan tanpa pengalaman praktikal tidak membantu seseorang membina hidup yang cemerlang.

AKTIVITI 1

Berdasarkan petikan yang dibaca, tandakan / pada idea utama.

Idea Utama	Tandakan /
Sebab-sebab murid bekerja	
Kebaikan- kebaikan bekerja sambilan	
Langkah-langkah menggalakkan murid bekerja	

Bina ayat perenggan *idea utama* yang sesuai berdasarkan Aktiviti 1.

Petikan membincangkan _____

AKTIVITI 2

Tulis idea sokongan/sampingan yang terdapat dalam petikan yang dibaca.

Idea sokongan/sampingan	
1	
2	
3	
4	
5	
6	

AKTIVITI 3

Tandakan / pada perenggan penutup yang sesuai.

Penutup	Tandakan /
Kesimpulannya, ibu bapa perlu mengawasi anak-anak.	
Kesimpulannya, ibu bapa dan guru perlu mengawasi anak-anak.	
Kesimpulannya, ibu dan guru perlu membimbing murid yang bekerja sambilan supaya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran.	